

Media : Berita Harian

Date : 05 Feb 2015

## Kelas kulinari anak yatim

**Ajinomoto** (Malaysia) Berhad menerusi program tanggungjawab sosial, dua tahun berturut-turut bekerjasama dengan Persatuan Amal FuziMagic memberi bantuan kepada yang memerlukan.

Tahun ini, syarikat itu mengambil inisiatif menganjurkan Modul Pembangunan Kemahiran Hidup untuk 20 pelajar daripada empat rumah anak kebajikan iaitu Pertubuhan Kebajikan Ti Ratana, Rumah Kebajikan & Bimbingan At Taqwa, Pertubuhan Pengurusan Rumah Safiyyah dan Rumah Kanak-kanak Praise Emmanuel.

Program dianjurkan adalah untuk melengkapkan pelajar terbabit dengan kemahiran kulinari. Selain penyediaan makanan

menggunakan produk Ajinomoto, peserta juga dibimbing berkenaan panduan keselamatan, termasuk penggunaan peralatan dapur dan pengetahuan bekerja dalam persekitaran dapur bersih.

### Beri semangat positif

Lebih menarik, kelas kulinari itu menjemput chef Junior Chamber International (JCI), Kuala Lumpur memeriahkan acara selain memberi semangat positif untuk merealisasikan impian mereka.

Ajinomoto berharap kelas kemahiran ini akan membantu kanak-kanak berkenaan menambah ilmu untuk dipraktikkan bagi menentukan hala tuju alam bidang tersebut.



Sukarelawan JCI dan kakitangan Ajinomoto turut membantu dalam **pertandingan memasak** antara rumah kebajikan.